

**UCAPAN**  
**YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI**  
**DI MAJLIS PELANCARAN KEMPEN BUDI BAHASA DAN NILAI-NILAI MURNI**  
**DI ISTANA BUDAYA, KUALA LUMPUR**  
**11 JANUARI 2005**

-----

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH DAN SALAM SEJAHTERA

YAB DATO' SERI MOHD. NAJIB TUN ABDUL RAZAK  
TIMBALAN PERDANA MENTERI

YB DATUK SERI UTAMA DR RAIS YATIM  
MENTERI KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN

AHLI-AHLI YANG BERHORMAT

TUAN YANG TERUTAMA DUTA-DUTA DAN PESURUHJAYA TINGGI

PEGAWAI-PEGAWAI TINGGI KERAJAAN

DIF-DIF JEMPUTAN

SAUDARA-SAUDARI YANG SAYA HORMATI SEKALIAN

1. ALHAMDULILLAH, SAYA BERSYUKUR KEHADRAT ALLAH S.W.T. KERANA DENGAN LIMPAH, KURNIA DAN IZINNYA DAPAT KITA HADIR BERSAMA PADA PAGI INI. SAYA INGIN MERAKAMKAN UCAPAN TERIMA KASIH SERTA SYABAS KEPADA DATUK SERI UTAMA DR. RAIS YATIM SERTA ANGGOTA KEMENTERIAN DI ATAS USAHA GIGIH MEREKA MENGANJURKAN PELANCARAN KEMPEN BUDI-BAHASA DAN NILAI-NILAI MURNI INI.

2. SAYA JUGA INGIN MENGALU-ALUKAN KEHADIRAN PARA PEMIMPIN KERAJAAN, PARA PERWAKILAN NEGARA ASING, SERTA PARA PEGAWAI KERAJAAN PUSAT DAN KERAJAAN NEGERI. TIDAK LUPA JUGA KEPADA PARA WAKIL SEKTOR SWASTA, PARTI POLITIK, BADAN-BADAN AGAMA, PERTUBUHAN BUKAN KERAJAAN, BELIA, GURU DAN PARA PELAJAR. KEHADIRAN SAUDARA-SAUDARI MENANDAKAN SOKONGAN PADU TERHADAP SATU AGENDA PENTING NEGARA, IAITU AGENDA UNTUK MEMPERKUKUHKAN AMALAN BUDI BAHASA DAN NILAI-NILAI MURNI DI KALANGAN RAKYAT MALAYSIA.

SAUDARA DAN SAUDARI SEKELIAN

3. KIRA-KIRA SATU SETENGAH TAHUN YANG LALU, SAYA TELAH MENYAMPAIKAN SATU UCAPAN KEPADA PERSATUAN OXBRIDGE MALAYSIA BERJUDUL "COMPETING FOR TOMORROW". MESEJ SAYA DALAM UCAPAN TERSEBUT ADALAH MUDAH, IAITU: DALAM ERA GLOBALISASI INI, KEJAYAAN MALAYSIA SEMAKIN BERGANTUNG

KEPADA PEMBANGUNAN MINDA RAKYATNYA. JIKA KITA MEMPUNYAI INFRASTRUKTUR KELAS PERTAMA TETAPI MENTALITI KELAS KETIGA, KITA AKAN PANTAS DIKALAHKAN OLEH NEGARA-NEGARA LAIN. MALAH, CITA-CITA MALAYSIA UNTUK MENCAPAI TARAF NEGARA MAJU SANGAT BERGANTUNG KEPADA PEMBANGUNAN NILAI DAN BUDAYA YANG BETUL. NILAI-NILAI SEPerti KETULUSAN, KEJUJURAN, INTEGRITI, ADIL, BERAMANAH DAN AKAUNTABILITI. BUDAYA DAN SISTEM NILAI ITULAH YANG SEBENARNYA MENJADI KAYU UKUR DAN MERCU TANDA SEBUAH NEGARA MAJU. DENGAN ITU, KITA TIDAK HARUS BERPUAS HATI DENGAN ASPEK PEMBANGUNAN LUARAN ATAU FIZIKAL SAHAJA. KITA PERLU MEMPERBAIKI ASPEK DALAMAN ATAU ASPEK PERIBADI UNTUK MENJADIKAN MASYARAKAT KITA SEBUAH MASYARAKAT YANG BENAR-BENAR BERTAMADUN.

4. DARI PEMERHATIAN SAYA, SAYA DAPAT MELIHAT BAHAWA UNGKAPAN "FIRST CLASS INFRASTRUCTURE, THIRD CLASS MENTALITY" ITU TEPAT MENGGAMBARAKAN KERISAUAN RAMAI RAKYAT MALAYSIA TENTANG KEADAAN NEGARA PADA MASA INI. EKONOMI NEGARA TERUS BERKEMBANG PESAT; PENGGUNAAN TEKNOLOGI SEMAKIN BERLELUASA; JALANRAYA DIPERBANYAKKAN DAN DIPERLUASKAN; DAN BANYAK KAWASAN DIBANGUNKAN UNTUK PERUMAHAN DAN PERINDUSTRIAN MODEN. NAMUN, CARA PEMIKIRAN KITA DAN PERADABAN KITA TIDAK MENGALAMI KEMAJUAN YANG SAMA, MALAH SEOLAH-OLAH SEMAKIN MUNDUR. KITA MENGHADAPI SATU SENARIO DI MANA SIFAT-SIFAT LUHUR SERTA KESANTUNAN BUDI BAHASA YANG DULU MENJADI KEBANGGAAN MASYARAKAT MALAYSIA SEMAKIN TERHAKIS. IDENTITI DAN JATIDIRI MASYARAKAT MALAYSIA SEMAKIN LUNTUR.

5. KEPINCANGAN INI TELAH MELAHIRKAN BEBERAPA SINDROM NEGATIF YANG KINI DIPANDANG SEAKAN-AKAN SATU KEBIASAAN DI KALANGAN MASYARAKAT MALAYSIA. ANTARANYA IALAH TABIAT MEMANDU YANG KURANG SOPAN DAN MERBAHAYA; KURANGNYA PERASAAN SIVIK TERHADAP HARTA BENDA AWAM; DAN KEKASARAN TERHADAP PARA PELANGGAN. NAMUN, PADA HAKIKATNYA, KITA TELAH MELETAKKAN BUDI PEKERTI SEBAGAI SATU ASAS DAN TUNJANG DALAM PELBAGAI DASAR DAN FALSAFAH PEMBANGUNAN NEGARA, DARI RUKUNEGARA SEHINGGALAH KEPADA WAWASAN 2020. JELASLAH BAHAWA ASPIRASI KITA DALAM BIDANG PEMBANGUNAN MINDA DAN ROHANIAH TIDAK SEJAJAR DENGAN REALITI KEHIDUPAN KITA MASAKINI.

SAUDARA DAN SAUDARI SEKELIAN

6. PADA HEMAT SAYA, DALAM KESIBUKAN KITA SEHARI-HARI, KITA MUNGKIN SEMAKIN LUPA UNTUK MEMUPUK CIRI-CIRI KEPERIBADIAN LUHUR, BAIK UNTUK DIRI KITA SENDIRI ATAUPUN UNTUK ANAK-ANAK KITA. SEBELUM BUDAYA MASYARAKAT KITA MEROSOT LAGI, KITA HARUS SEDAR DAN MEMPELAJARI SERTA MEMPRAKTIKKAN SEMULA NILAI-NILAI DAN BUDI BAHASA WARISAN KITA. USAHA INI HARUS DIMULAKAN PADA PERINGKAT DIRI SENDIRI, PERINGKAT KELUARGA DAN PADA PERINGKAT MASYARAKAT, AMNYA.

7. SAYA SEDAR BAHAWA USAHA INI ADALAH SUKAR, LEBIH-LEBIH LAGI DALAM SUASANA HARI INI. KITA SUDAH BIASA MENONTON BERITA ATAU HIBURAN YANG MENONJOLKAN CARA LAKU INSAN YANG KASAR DAN GANAS. KITA MUDAH TERIKUT DENGAN TABIAT MASYARAKAT UMUM YANG KURANG SABAR DAN MEMENTINGKAN DIRI SENDIRI. INI ADALAH MASALAH KITA SEMUA – BUKAN SAHAJA MASALAH ANAK MUDA, MALAH BUKAN SAHAJA MASALAH NEGARA. MASALAH KEMEROSOTAN NILAI-NILAI DAN BUDI BAHASA ADALAH MASALAH YANG DIHADAPI DI SERATA DUNIA. APABILA BERDEPAN DENGAN MEDIA MASSA DAN MASYARAKAT UMUM MASAKINI, MANUSIA MUDAH LUPA PENGAJARAN DAN TUNJUK AJAR YANG TELAH DITERIMA DI RUMAH DAN DI SEKOLAH. CABARAN KEPADA BUDI PEKERTI KITA ADALAH JAUH LEBIH SUKAR DALAM ZAMAN KOMUNIKASI DAN MATERIALISME KINI, BERBANDING DENGAN MASA DAHULU.

8. INI TIDAKLAH BERMAKNA KITA PERLU MENYISIHKAN DIRI DARIPADA ARUS DUNIA. SEBAGAI NEGARA YANG DEMOKRATIK DAN TERBUKA DAGANGANNYA, KITA TIDAK DAPAT LARI DARI PENGARUH DUNIA LUAR. TETAPI, JIKA KITA MAHU MENJADI NEGARA YANG BERDAYA SAING LAGI TEGUH IDENTITINYA, KITA HARUSLAH MEMBINA KEKUATAN DALAMAN DAN BELAJAR UNTUK MENGHADAPI REALITI KEHIDUPAN DENGAN LEBIH KRITIS DAN ARIF. AMBIL YANG JERNIH, BUANG YANG KERUH. KITA DAN ANAK-ANAK KITA HARUS BELAJAR BERFIKIR SUPAYA KITA TIDAK SENANG TERTARIK KEPADA PERKARA YANG MUDAH ATAU TATACARA YANG KASAR, SUPAYA KITA DAPAT MEMBEZAKAN ANTARA HIBURAN DAN REALITI.

9. DENGAN ITU SAUDARA-SAUDARI, KEMPEN BUDI-BAHASA DAN NILAI-NILAI MURNI INI ADALAH KENA PADA MASANYA DAN SESUAI DENGAN KEADAAN SEKARANG. SAYA BERHARAP KEMPEN INI DAPAT MENINGGATKAN KITA AKAN PERI PENTINGNYA PEMBANGUNAN PERIBADI DALAM MENINGKATKAN MUTU HIDUP KITA SEMUA. SAYA JUGA BERHARAP KEMPEN INI DAPAT MEMBANTU PELBAGAI LAPISAN MASYARAKAT UNTUK MENGHAYATI DAN MENITIKBERATKAN AMALAN BUDI PEKERTI MURNI DALAM ERA YANG BEGITU MENCABAR KINI. KITA SEMUA HARUSLAH BELAJAR BAGAIMANA UNTUK MENCAPAI KEJAYAAN YANG BERMAKNA, TANPA MENGORBANKAN PERADABAN DAN NILAI-NILAI KITA SAMA SEKALI.

SAUDARA DAN SAUDARI SEKELIAN

10. KITA BARU SAHAJA DIKEJUTKAN DENGAN BENCANA TSUNAMI YANG TELAH MENYEBABKAN BEGITU RAMAI NYAWA TERKORBAN SERTA MENGAKIBATKAN KEHILANGAN HARTA BENDA DI MALAYSIA DAN DI NEGARA-NEGARA JIRAN KITA. KITA AMAT BERSEDIH BERSAMA MEREKA YANG TELAH KEHILANGAN ANGGOTA KELUARGA TERSAYANG DAN TELAH PUTUS MATA PENCARIAN MEREKA. NAMUN, DALAM PERASAAN HIBA DAN DUKACITA INI, KITA TURUT DAPAT MELIHAT NILAI KEMANUSIAAN SEJAGAT YANG TERPAPAR DI SELURUH DUNIA. MANUSIA DARI SUKU, BANGSA, AGAMA, BUDAYA DAN BAHASA YANG BERLAINAN TELAH DAPAT MENYUMBANG SERTA BEKERJASAMA DAN MEMBANTU DALAM SUASANA HIDUP YANG BEGITU SUKAR. DISINILAH TERSERLAHNYA NILAI-NILAI MURNI DAN BUDI BAHASA YANG DIINGINKAN KITA SEMUA. ALANGKAH BAIKNYA JIKA CARA LAKU INI DAPAT TERUS DIKEKALKAN. ALANGKAH BERUNTUNGNYA JIKA KITA DAPAT TERUS BERSIFAT SEDEMIKIAN UNTUK KEHARMONIAN HIDUP SEHARI-HARIAN.

11. KITA SEMUA BERUPAYA UNTUK MEMPERTINGKATKAN BUDI PEKERTI DIRI DAN MASYARAKAT KITA. IANYA BERMULA DENGAN SUARA HATI DAN PERTUTURAN. ALLAH S.W.T DALAM SURAH AN NISA' AYAT 148 MENYEBUT:



YANG BERMAKSUD:

“ALLAH TIDAK SUKA AKAN PERKATAAN-PERKATAAN JAHAT YANG KELUAR DARI MULUT SESEORANG, MELAINKAN PERKATAAN (PENGALAMAN) YANG KELUAR DARI MULUT ORANG YANG DIZALIMI (YANG MENYEBUT KEBURUKAN YANG DILAKUKAN KE ATASNYA DALAM PENGADUANNYA) DAN ALLAH MAHA MENDENGAR LAGI MAHA MENGETAHUI”

12. MAKA BERUCAP SALAMLAH KETIKA BERTEMU. MULAKANLAH DENGAN SIKAP RAMAH DAN TERBUKA. RASULULLAH S.A.W. BERSABDA MAKSUDNYA: “SESUNGGUHNYA ALLAH MENYUKAI SIKAP BERLEMAH-LEMBUT DALAM SEMUA PERKARA”. BEGITU JUGA DENGAN AJARAN AGAMA-AGAMA LAIN, SEPERTI AGAMA BUDDHA YANG MENYEBUT “WORDS HAVE THE POWER TO BOTH DESTROY AND HEAL. WHEN WORDS ARE BOTH TRUE AND KIND, THEY CAN CHANGE OUR WORLD”. KEPENTINGAN PERTUTURAN BUKAN SAHAJA UNTUK KELUARGA, TETAPI JUGA UNTUK GURU, RAKAN SEKERJA DAN PELANGGAN YANG MEMERLUKAN KHIDMAT KITA.

13. SEHUBUNGAN DENGAN ITU, SAYA BERHARAP ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM YANG BERKHIDMAT DI KAUNTER-KAUNTER BARISAN HADAPAN DAN JABATAN-JABATAN YANG BERTANGGUNGJAWAB DALAM PENGUATKUASAAN SEPERTI POLIS DAN IMIGRESEN AKAN MEMBERI PERKHIDMATAN DENGAN PENUH BERADAB MELALUI TUTUR KATA YANG MESRA, BERSOPAN DAN SENTIASA INGIN MEMBANTU. SENYUMAN YANG DIBERI HARUSLAH IKHLAS DAN ANGGAPLAH IANYA SEBAGAI SATU HADIAH ATAU SEDEKAH. INI SECARA TIDAK LANGSUNG DAPAT MENINGKATKAN KECEKAPAN DALAM SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM SERTA MENAIKKAN IMEJ PERKHIDMATAN.

SAUDARA DAN SAUDARI SEKELIAN

14. KEMPEN BUDI BAHASA DAN NILAI-NILAI MURNI INI MERUPAKAN AGENDA PENTING KERAJAAN UNTUK MENYEMARAKAN DAN MENYEMAI SEMULA BUDI BAHASA DAN NILAI-NILAI MURNI KE DALAM JIWA SETIAP RAKYAT MALAYSIA. KEMPEN INI DIHARAP DAPAT MEMPERKUKUHKAN KEMBALI KEKUATAN PERIBADI

DAN JATI DIRI SETIAP INDIVIDU. NEGARA AKAN MENJADI AGUNG JIKA WARGANYA TERDIRI DARI INSAN-INSAN YANG MENGAMALKAN BUDAYA MURNI. TIDAK ADA GUNANYA JIKA MASYARAKAT MALAYSIA KAYA DARI SEGI KEBENDAAN TAPI MUFLIS DARI SEGI KEPERIBADIAN. OLEH ITU, MARILAH KITA SAMA-SAMA BERGANDING BAHU MENJAYAKAN KEMPEN INI. SAYA AMAT BERHARAP SAUDARA-SAUDARI SELAKU PEMIMPIN POLITIK, KETUA JABATAN, AHLI KORPORAT, PEMIMPIN MASYARAKAT ATAUPUN PEMIMPIN BADAN BUKAN KERAJAAN DAPAT MELIBATKAN DIRI DALAM PROGRAM-PROGRAM KEMPEN DI PERINGKAT MASING-MASING. SESUNGGUHNYA KEBERKESANAN DAN KEJAYAAN KEMPEN INI MEMERLUKAN SOKONGAN DAN BANTUAN DARI SEMUA PIHAK.

TEGAK RUMAH KERANA SENDI  
RUNTUH SENDI RUMAH BINASA  
SENDI BANGSA IALAH BUDI  
RUNTUH BUDI, RUNTUHLAH BANGSA

15. MAKA DENGAN ITU, DENGAN LAFAZ BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM, SAYA DENGAN SUKACITANYA MELANCARKAN KEMPEN BUDI BAHASA DAN NILAI-NILAI MURNI INI.

SEKIAN, TERIMA KASIH.